

Majlis Aids sokong usaha Kabinet

BH 19 MAY 2000

KUALA LUMPUR, Khamis – Majlis Aids Malaysia (MAM) menyokong tindakan Kabinet untuk bertanggungjawab ke atas kes pemindahan darah yang dicemarivirus HIV terhadap seorang suri rumah dari Jitra, Bashah Mustafa. pakhir bulan lalu.

Prxiden MAM, Datin Paduka Marina Mahathir berkata, pihaknya turut menyokong keputusan Kementerian Kesihatan mengetatkan kaedah saringan darah untuk mengclakkan kes yang sama berulang.

Katanya, kes inimembuktikan masih ada segelintir masyarakat yang jahilmengenai HIV atau Aids serta carai mencrobak.

“Kita tahu hahaha sesiapa saja berisiko untuk dijangkiti HIV. Bagaimanapun, jannpan menilai seseorang itu hcrdasarkan penyakit yang dihidapi.” katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini.

Marina berkata, HIV bukan hanya masalah individu tetapi membabitkan keluarga dan masyarakat.

“Oleh itu, Saya berharap masyarakat sekeliling tidak mengamalkan diskriminasi terhadap pengidap HIV yang dianggarkan 33.233 sertake-luarga mereka,” katanya. Beliau mengulas mengenai kesengsaraan yang terpaksa ditanggung oleh Bashah sele-

pas disahkan menerima darah mengandungi HIV melalui pemindahan darah di Hospital Jitra, akhir bulanlalu.

Berikutan itu, Bashah yang mendedahkan identitinya dalam media semalam, menfailkan saman menuntut ganti rugi sebanyak RM100 juta daripada kerajaan dengan mendakwa sejak kejadian berkenaan, beliau dan keluarganya mengalami tekanan jiwa apabila diberitahu beliau menghidap penyakit yang tiada penawar.

Semalam, Menteri Sumber Manusia yang memangku jawatan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Fong Chan Ong mengarahkan Kementerian Kesihatan mengkaji semula langkah pemindahan darah bagimengclak kejadian sama berulang.

Marina juga keccwa dengan kegagalan pihak berkuasa memastikan hckalan darah yang didermakan selamat untuk dipindahkan kepada orang lain.

Katanya, pihak berkenaan perlu lebih prihatin dengan memastikan penderma darah berisiko tinggi seperti pengamal seks sejenis (homoseksual) dan penagih dadah tidak menderma darah kerana dihimpangi mcngandungi kuman HIV.

“Penerangan lebih berkesan untuk mcnghalang mereka menderma darah, bagaimanapun, yang paling pen-

ting semua darah perlu disaring terlebih dahulu tanpa mengira pengecualian itu.

“Wanita terbabit juga perlu diberi nasihat dan pandangan positif bagi mengelakkan dia berputus asa untuk meneruskan hidup,” katanya.

Selain itu, Marina kesal sikap media yang mendedahkan identiti suri rumah itu.

Beliau berkata, sikap media yang terlalu ghairah mencari latar belakang penderma darah terbabit juga seolah-olah menganggapi kesalahan jenayahsedangkan kesilapan itu kcrana kegagalan pihak terbabit menjalankan tugas.

Sementara itu, sempna Hari Memperingati AIDS Sedunia pada 21 Mei ini, Marina meminta masyarakat tidak melupakan kira-kira 2,685 pesakita Aids yang sudah meninggal dunia disebabkan tiada kemudahan rawatan, sokongan moral daripada keluarga dan masyardkat.

Katanya, bilangan pengidap HIV dan Aids di negara iniboleh **dikurangkan** sekiranya pihak terbabit menyediakan maklumat tepat selain diheri sokongan dan penjagaan rapi.